

Jawatankuasa kuil di Jalan Masjid India setuju pindah

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India bersetuju untuk berpindah ke lokasi baharu yang dipersetujui dalam perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Setiausaha jawatankuasa kuil berkenaan, Kaarthik Gunaseelan, berkata pihaknya mencapai persetujuan dengan DBKL untuk berpindah ke lokasi baharu.

Menurutnya, tapak baharu, yang terletak dalam kawasan Jalan Masjid India, adalah berdekatan dan sesuai sebagai lokasi alternatif.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada menteri, wakil rakyat dan pihak berkuasa yang terbabit atas sokongan mereka dalam merealisasikan penyelesaian ini.

“Pihak kami akan bertemu DBKL untuk menghadiri mesyuarat bagi memuktamadkan aspek teknikal, dan pengumuman rasmi akan dibuat dalam masa terdekat,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, pada sidang media semalam berkata, hasil rundingan, kerajaan mengenal pasti tapak baharu berkeluasan 1,200 meter persegi, yang terletak kira-kira 50 meter dari lokasi asal.

“Keluasan tapak ini setara dengan saiz kuil sedia ada. Tapak itu adalah sebahagian lot PT 95, Seksyen 40, Mukim Bandar Kuala Lumpur.

“Pembangunan tapak baharu ini tertakluk kepada syarat pembangunan yang berkuat kuasa dan pihak kuil juga bersetuju dengan perkara ini,” katanya.

Namun, Dr Zaliha tidak memperincikan bila proses penempatan semula kuil itu dimulakan.

Katanya, kos penempatan semula ke tapak baharu yang terletak 50 meter dari lokasi sedia ada itu akan dimuktamadkan pihak pengurusan kuil berkenaan dengan syarikat tekstil, Jakel Trading Sdn Bhd (Jakel).